

Raja Muda Selangor lancar MESP 2019

BERITA HARIAN 30/3/19

➔ Kolaborasi MSU, NGO, korporat bagi memperkasa kelestarian alam sekitar

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

➔ Shah Alam

Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Shaarufuddin Idris Shah, berkeinginan melancarkan Management and Science University (MSU) Environment Sustainability Project (MESP) 2019 memabatkan kolaborasi pintar antara-MSU, badan

bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat bertujuan memperkasa kelestarian alam sekitar, di sini semalam.

Program bertemakan 'Nature Appreciation' adalah inisiatif MSU untuk menyokong agenda global oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama dalam membangunkan kualiti alam sekitar dan kehidupan masyarakat mampan pada masa hadapan.

Pada majlis itu, Tengku Amir Shah berkenan menyaksikan majlis pertukaran memorandum persepahaman (MoU) antara MSU dengan Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), Yayasan Hijau, Dorken Resources, Kelab Warisan Sungai Klang, NAZ Medical Supplies Sdn Bhd dan Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam Malaysia (PEKA).

Baginda turut menyaksikan pelantikan sebagai rakan strategik MSU memabatkan Markas 11 Briged Infantri, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Perhutanan

Selangor dan Woman in Governance & Technology Association of Malaysia.

Selain itu, pelantikan turut memabatkan Azam Perkasa Resources Sdn Bhd, Bumi Kenyalang Travel and Tours, MAEKO Mentari Alam EKO (M) Sdn Bhd, Dorsett Grand Subang, Cerna Minda, Tourism Selangor serta Taman Botani Shah Alam.

Yang turut hadir, Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid; Naib Canselor MSU, Prof Puan Sri Dr Junainah Abd Hamid; Panglima Briged Infantri Ke-11 ATM, Brigedier Jeneral Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Hamid dan Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor, Datuk Dr Mohd Puat Dahalan.

Penuhi objektif global

Sementara itu, Prof Mohd Shukri dalam ucapannya berkata, MESP 2019 bermatlamat menggalakkan pembabitn warga universiti dan masyarakat dalam pelbagai aktiviti



Tengku Amir Shah berkenan melaksanakan simbolik pelancaran MESP 2019 di Shah Alam, semalam. Yang hadir sama, Mohd Shukri dan Junainah.

berbentuk memulihara alam sekitar serta adat kebudayaan sejajar memenuhi objektif global Matlamat Pembangunan Lestari oleh PBB.

Katanya, pengajuran acara itu adalah bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Sedunia peringkat antarabangsa yang akan di-

“Program alam sekitar memerlukan sokongan berterusan daripada semua pihak termasuk pelajar kerana bukan sekadar subjek dan kurikulum semata-mata tetapi kita membina serta mengembangkannya lagi kesedaran mengenai perkara ini,” katanya.